

Ruj. Kami : MQA 07/01 Jld.2 ( 24 )

Tarikh : 19 Disember 2013

## **KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI**

Tuan,

### **SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2013 – PINDAAN TERHADAP STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN (SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM IJAZAH SARJANA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Pekeliling MQA Bil. 1/2013 Penggunaan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dengan no. rujukan MQA 07/Jld.3 (84) bertarikh 4 Mac 2013.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kertas Cadangan Penyelarasan dan Pindaan Syarat Kelayakan Masuk Program Ijazah Sarjana dalam Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Bil 07/2013 yang bersidang pada 26 November 2013.
3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju syarat kelayakan masuk program ijazah sarjana yang baru adalah seperti berikut:

#### **A. Ijazah sarjana secara kerja kursus**

- i. Ijazah sarjana muda dengan PNGK minimum 2.50 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
  - ii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.
-


**B. Ijazah sarjana secara mod campuran dan penyelidikan**

- i. Ijazah sarjana muda dengan PNGK minimum 2.75 atau yang setara dengannya, seperti yang diterima oleh Senat PPT; atau
  - ii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi; atau
  - iii. Ijazah sarjana muda atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum 5 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang relevan.
4. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap syarat kelayakan masuk program ijazah sarjana yang baru ini berkuatkuasa bermula **1 Januari 2014**.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**(DATO' DR SYED AHMAD HUSSEIN)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044  
No. Faks : 03-7956 9496  
Emel : [syedahmad@mqa.gov.my](mailto:syedahmad@mqa.gov.my)

s.k.

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan Malaysia  
Pejabat Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 10, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**
  
2. YB. Menteri Pendidikan Malaysia II  
Pejabat Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
3. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 8, Blok E8, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**
  
4. YBhg. Ketua Setiausaha II  
Pejabat Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
  
5. YBhg. Ketua Pengarah  
Pejabat Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**

6. YBhg. Ketua Pengarah  
Pejabat Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w, Persiaran Perdana, Presint 4,  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
  
7. YBhg. Ketua Pengarah  
Pejabat Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 7, Galeria PjH ,Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**